



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA JUN 2023

Indeks Harga Pengeluar Malaysia turun sebanyak negatif 4.8 peratus pada Jun 2023

PUTRAJAYA, 27 Julai 2023 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barangan di pintu kilang, terus menurun sebanyak negatif 4.8 peratus pada Jun 2023 berbanding negatif 4.6 peratus pada Mei 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam laporan bulanan terbaharu iaitu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, JUN 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, "Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan terus turun selama enam bulan berturut-turut pada tahun 2023, mencatatkan negatif 20.4 peratus (Mei 2023: -27.2%), disebabkan oleh penurunan dalam indeks Buah tandan segar kelapa sawit sebanyak negatif 34.4 peratus pada Jun 2023. Sektor Perlombongan jatuh negatif 16.6 peratus (Mei 2023: -10.7%), disebabkan oleh penurunan dalam indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-23.3%). Pada masa yang sama, sektor Pembuatan juga mencatatkan penurunan sebanyak negatif 1.8 peratus. Indeks Pembuatan produk makanan jatuh negatif 9.9 peratus manakala indeks Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal meningkat sebanyak 7.5 peratus, menjelaskan pergerakan marginal sektor Pembuatan. Bagi sektor utiliti, kedua-dua indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat 3.2 peratus dan 1.0 peratus."

Beliau mengulas lanjut, " Pada asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan menurun negatif 0.3 peratus pada Jun 2023 (Mei 2023: -0.4%). Sektor Perlombongan merosot sebanyak negatif 1.6 peratus, dipengaruhi oleh penurunan dalam indeks Pengekstrakan petroleum

mentah (-0.8%) dan Pengekstrakan gas asli (-3.7%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan menurun sebanyak negatif 1.0 peratus disebabkan oleh penurunan dalam indeks Penanaman tanaman kekal (-2.2%). Sebaliknya, indeks sektor Pembuatan tidak berubah pada Jun 2023. Bagi sektor utiliti pula, indeks Bekalan air naik 0.9 peratus manakala indeks Bekalan elektrik & gas turun negatif 0.6 peratus.”

Mengulas mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya terus menurun sebanyak negatif 18.7 peratus pada Jun 2023 (Mei 2023: -20.1%), dengan indeks Bahan bukan makanan mencatatkan penurunan negatif 22.9 peratus. Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen juga mencatatkan penurunan negatif 2.8 peratus disebabkan oleh penurunan dalam indeks Bahan & komponen untuk pembuatan (-6.6%) dan Bahan api yang diproses & pelincir (-3.3%). Sementara itu, indeks Barang siap naik 3.3 peratus, disebabkan oleh peningkatan dalam Kelengkapan modal (4.4%) dan Barangan pengguna siap (2.0%).”

Pada asas bulanan, kedua-dua indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya dan indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen masing-masing turun sebanyak negatif 0.8 peratus dan negatif 0.6 peratus. Sementara itu, indeks Barang siap meningkat sebanyak 0.9 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia juga menjelaskan bahawa IHPR Pengeluaran Tempatan terus menurun sebanyak negatif 4.1 peratus pada suku tahun kedua 2023 (ST1 2023: -0.8%). Penurunan ini disebabkan oleh sektor Pertanian, perhutanan & perikanan (-24.6%), Perlombongan (-10.8%) dan Pembuatan (-1.0%). Sebaliknya, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat sebanyak 3.2 peratus dan 0.8 peratus. Seterusnya, perbandingan suku tahun ke suku tahun menunjukkan bahawa IHPR Pengeluaran Tempatan menurun marginal negatif 0.1 peratus (ST1 2023: -0.8%).

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa inflasi di peringkat pengeluar bagi beberapa negara terpilih kekal sederhana pada bulan ini. IHPR Amerika Syarikat meningkat perlahan 0.1 peratus berbanding 0.9 peratus pada Mei 2023, peningkatan terkecil sejak Ogos 2020. Harga pengeluar China jatuh untuk sembilan bulan berturut-turut kepada negatif 5.4 peratus, berbanding negatif 4.6 peratus pada Mei 2023. Begitu juga inflasi pengeluar India terus menguncup sebanyak 4.1 peratus (Mei 2023: -3.5%) disebabkan oleh produk makanan, minyak mentah dan gas asli. Sementara itu, IHPR Jepun meningkat

pada kadar yang lebih perlahan 4.1 peratus berbanding 5.2 peratus pada bulan sebelumnya disebabkan oleh kos tenaga yang lebih rendah.

Ringkasan bagi separuh tahun pertama 2023, IHPR Malaysia jatuh negatif 2.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Berbanding separuh tahun pertama 2022, peningkatan dua digit 10.6 peratus disumbangkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi yang bermanfaat daripada pemulihan ekonomi global. Walau bagaimanapun, harga komoditi utama seperti minyak mentah, gas asli dan minyak sawit mentah terus turun sejak Januari 2023 menyebabkan kedudukan IHPR yang lebih rendah pada separuh pertama 2023. Sementara itu, menurut statistik *FAO Food Price Index*, harga makanan telah turun sedikit sejak Januari 2023 walaupun masih lagi berada pada paras yang tinggi, dipengaruhi oleh bekalan yang rendah akibat cuaca yang ekstrem di beberapa bahagian tertentu dunia.


DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”

Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan,


Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 27 Julai 2023



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
27 JULAI 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA
JUNE 2023**

***Malaysia's Producer Price Index decreased
by negative 4.8 per cent in June 2023***

PUTRAJAYA, 27th July 2023 – Malaysia's Producer Price Index, which measures the prices of goods at the factory gate, decreased further by negative 4.8 per cent in June 2023 as against a negative 4.6 per cent in May 2023, the Department of Statistics Malaysia reported today in its latest monthly report of the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, JUNE 2023**.

The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained that, "The Agriculture, forestry & fishing sector continued to decline for six consecutive months in 2023, posting a negative 20.4 per cent (May 2023: -27.2%), attributed to the decrease of the Oil palm fresh fruit bunches index by negative 34.4 per cent in June 2023. The Mining sector fell by negative 16.6 per cent (May 2023: -10.7%), dragged down by the decline in the Extraction of crude petroleum index (-23.3%). At the same time, the Manufacturing sector also posted a decrease of negative 1.8 per cent. The Manufacture of food products index fell by negative 9.9 per cent, while the Manufacture of computer, electronic & optical products index rose by 7.5 per cent, explaining the marginal movement of the Manufacturing sector. For the utility sector, both Water supply and Electricity & gas supply indices went up 3.2 per cent and 1.0 per cent, respectively."

He further commented, "On a monthly basis, PPI local production decreased by negative 0.3 per cent in June 2023 (May 2023: -0.4%). The Mining sector declined by negative 1.6 per cent, affected by the drop in Extraction of crude petroleum (-0.8%) and Extraction of natural gas (-3.7%) indices. The Agriculture, forestry & fishing sector down by

negative 1.0 per cent due to the decline in the Growing of perennial crops index (-2.2%). On the other hand, the index for the Manufacturing sector is unchanged in June 2023. For the utility sector, the Water supply index went up by 0.9 per cent, while the Electricity & gas supply index dropped by negative 0.6 per cent.”

Commenting on the PPI Local Production by stage of processing, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The Crude materials for further processing index continued to decline by negative 18.7 per cent in June 2023 (May 2023: -20.1%), with the Non-food materials index posting a negative 22.9 per cent. The Intermediate materials, supplies & components index also recorded a negative 2.8 per cent due to the decline in the index of Materials & components for manufacturing (-6.6%) and Processed fuel & lubricants (-3.3%). Meanwhile, the Finished goods index edged up 3.3 per cent, due to the increase in Capital equipment (4.4%) and Finished consumer goods (2.0%).”

On a monthly basis, both the index of Crude materials for further processing and Intermediate materials, supplies & components index edged down by negative 0.8 per cent and 0.6 per cent, respectively. Meanwhile, the Finished goods index increased by 0.9 per cent.

The Chief Statistician Malaysia also explained that the PPI Local Production continued to decline by negative 4.1 per cent in the second quarter of 2023 (Q1 2023: -0.8%). The decline was attributed to Agriculture, forestry & fishing (-24.6%), Mining (-10.8%) and Manufacturing (-1.0%) sectors. On the contrary, both Water supply and Electricity & gas supply indices recorded increases of 3.2 per cent and 0.8 per cent, respectively. Similarly, a quarter-on-quarter comparison showed that PPI Local Production marginally declined by negative 0.1 per cent (Q1 2023: -0.8%).

He further elaborated that inflation at the producer level in selected countries remained modest this month. The PPI of the United States of America inched up 0.1 per cent as compared to 0.9 per cent in May 2023, the smallest growth since August 2020. China’s producer price fell for the ninth consecutive month, down by a negative 5.4 per cent from a year earlier as compared to a 4.6 per cent drop in the previous month. Similarly, India’s producer inflation contracted further by 4.1 per cent (May 2023: -3.5%) due to food products, crude oil and natural gas. Meanwhile, Japan’s PPI was up at a slower pace of 4.1 per cent as compared to 5.2 per cent in the previous month due to lower energy costs.

To sum up the first half of 2023, Malaysia's PPI fell by negative 2.5 per cent as compared to the same period last year. Comparing to the first half of 2022, the PPI Local Production gained a double-digit 10.6 per cent, contributed by higher commodity prices benefiting from the global economic recovery. However, main commodities such as crude oil, natural gas and crude palm oil have continued to drop at a low pace since January 2023, leading to a lower PPI in the first half of 2023. In the meantime, according to statistics from the FAO Food Price Index, food prices have dropped marginally since January 2023, though they are still relatively higher, influenced by low supplies due to extreme weather in certain parts of the world.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia




Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)



Embargo : Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 27th July 2023



Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27th JULY 2023